

Raya mohon bantuan dana

Bagi menampung kos keseluruhan pembinaan bangunan dua tingkat untuk 100 penghuninya

SIJANGKANG - Pertubuhan Rumah Anak Yatim dan Asnaf (Raya), Kampung Sijangkang memerlukan dana kira-kira RM1 juta untuk projek wakaf menyiapkan keseluruhan prasarana yang dirancang di tapak seluas 0.5 hektar, di Jalan Orkid, Sijangkang. Pengerusinya, Mohd Asrin Ishak berkata, beliau merancang membina bangunan dua tingkat di kawasan berkenaan bagi menampung 100 orang penghuni.

Menurutnya, sejak cadangan pembinaan Raya itu, pihaknya menerima bantuan wang tunai dan kelengkapan daripada orang ramai dan sumbangan itu masih diterima sehingga kini.

"Buat masa ini kira-kira 30 anak yatim dan asnaf terpaksa tinggal di rumah sewa di

INFO • Orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyalurkannya menerusi akaun Persatuan Rumah Anak Yatim Dan Asnaf Kampung Sijangkang (CIMB: 8603040905) dan maklum bayaran kepada Mohd Asrin di talian 013-359 5465 dan Imam Jailani: 016-654 4267

Jalan Ratapan, Kampung Sijangkang, jadi pembinaan bangunan ini adalah bagi memberi keselesaan kepada mereka.

"Bagaimanapun kos pembinaan masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan yang mencecah RM1 juta



MOHD ASRIN

di mana ia meliputi asrama lelaki dan perempuan, serta pusat pentadbiran," katanya kepada pemberita pada majlis pecah tanah bangunan Raya di Sijangkang, semalam.

Walaupun begitu, Mohd Asrin memberitahu, pihaknya menjangkakan bangunan tersebut siap secara berperingkat berikutan sumber kewangan yang



Tengku Dato Mohamed (tujuh, kiri) bersama sebahagian tetamu yang hadir menunjukkan isyarat bagus selepas acara pecah tanah bangunan Rumah Anak Yatim dan Asnaf di Sijangkang.

terhad.

Sementara itu, Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Dato Mohamed Tengku Harun yang turut hadir merasmikan majlis

pecah tanah itu berkata, beliau berharap proses pembinaan bangunan itu berjalan lancar dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Katanya, beliau bangga

kerana masih ada lagi pihak yang mahu mewujudkan rumah anak yatim dan asnaf sebagai usaha membantu mereka yang kurang berkemampuan.

JPP Zon 5 mahu aktifkan aktiviti memancing



Peserta pertandingan memancing yang terlibat di sepanjang 90 meter di kawasan perparitan Jalan Perapat, Taman Dato Hormat.

SIJANGKANG - Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 5, Telok Panglima Garang berhasrat mengaktifkan kawasan perparitan di Taman Dato Hormat sebagai lokasi riadah menangkap ikan.

Pengerusinya, Abdul Razak Latif berkata, hasrat itu wujud apabila beliau didatangi anak-anak muda yang mahukan aktiviti memancing dijadikan salah satu aktiviti taman di kawasan itu.

Menurutnya, beliau mengakui aktiviti berkenaan telah lama mendapat perhatian tetapi jarang

sekali ia diadakan di kawasan perparitan taman perumahan.

"Saya bersetuju dengan program yang mudah namun dapat dipraktikkan di kawasan berbeza terutama dalam melibatkan taman perumahan.

"Saya fikir ia sebagai galakan untuk anak muda di kawasan perumahan beriadah dalam komuniti selain berpeluang mengenali antara satu sama lain," katanya pada Pertandingan Memancing anjuran JPP Zon 5, semalam.

Empat kategori yang dipertandingkan termasuklah

ikan terberat dan terbesar, ikan paling banyak, ikan misteri dan ikan paling kecil.

Katanya lagi, program ini dianjurkan bertujuan untuk mengumpulkan penduduk taman-taman sekitar iaitu Taman Dato Hormat, Taman Teluk Mengkuang, Taman Palas dan beberapa taman berhampiran melibatkan diri dalam aktiviti santai berkenaan.

Hadir sama merasmikan program berkenaan, Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Kari.

Tiang elektrik ganggu lalu lintas

JENJARUM - Pengguna jalan meminta pihak berwajib mengalihkan segera tiang lampu di bahu jalan Kampung Jenjarum yang didakwa mengganggu lalu lintas.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Ma'min Radiman berkata, beliau menerima rungutan pengguna jalan raya yang berdepan dengan masalah kesesakan.

Menurutnya, beliau mengakui laluan tersebut bertambah sibuk apabila sebuah lagi pasar raya mula beroperasi di kawasan itu.

"Bagaimanapun, kesesakan lebih teruk berlaku ketika waktu puncak dan lokasi tiang elektrik berkenaan dilihat tidak sesuai dan perlu dialihkan.

"Bahu jalan juga kena turap bagi mengelakkan kesesakan sepanjang susur keluar ke Banting," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Bagaimanapun, atas inisiatif JKKKP juga, pihaknya telah menimbus tanah di jalan Taman Jarom dari Jenjarum ke Pasaraya Tesco bagi kemudahan orang kampung untuk ke Tesco dan ke Banting tanpa melalui jalan yang sesak.

Katanya, aduan daripada penduduk telah diterima mencadangkan laluan



Ma'min (dua, kiri) bersama Siok Hwa (kanan) ketika mengadakan tinjauan di lokasi berkaitan.

tersebut diturap dan JKKKP terpaksa menggunakan peruntukan sendiri untuk melancarkan perjalanan penduduk.

Sementara itu, Penyelaras Dun Telok Datok, Ng Siok Hwa berkata, papan tanda jalan di kawasan itu juga perlu dialihkan apabila ia turut mengganggu laluan lalu lintas.

"Sebelum ini tak ada masalah sebab tak ada isu keadaan sesak walaupun laluan berkenaan menjadi tumpuan pengguna untuk laluan alternatif ke Lembah Klang termasuk ke Shah Alam. Tetapi hari ini ia perlu diberi perhatian memandangkan hampir setiap hari ada aduan diterima," katanya.